

# KEMALANGAN DIRI PROGRESSIVE

## POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI



### Apakah produk ini?

Produk ini akan membayar pampasan kepada anda bagi kecederaan anggota badan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan dimana kecederaan ini disebabkan oleh keganasan, tidak sengaja, luaran dan jelas kelihan punca menyebabkan anda perlu menjalani perubatan dan/atau pembedahan. Jika berlakunya kematian, pampasan akan dibayar kepada waris anda yang dinamakan atau wakil diri anda yang sah.

### Ciri-ciri Istimewa:

- Pilihan faedah yang fleksibel.
- Premium tahunan yang sungguh berpatutan.
- Perlindungan 24-jam seluruh dunia
- Lanjutan penunggang motosikal
- Pengecualian pekerjaan terhad.
- Pengendorsan penerbangan atas pesawat/helikopter yang tidak berjadual
- Pengendorsan Rukun Tetangga
- Fasal pemberitahuan kehilangan (60 hari)
- Makanan dan minuman
- Pengendorsan memburu
- Pengendorsan penculikan
- Pengendorsan gigitan serangga, ular, binatang perosak, haiwan
- Fasal pengecualian pengganasan nuklear, kimia, biologi
- Pengendorsan trauma rogl dengan had yang terhad
- Pengendorsan sokongan pemuliharaan dengan had yang terhad
- Pengendorsan pampasan rugut dengan had yang terhad
- Pengendorsan pembunuhan tanpa provokasi, serangan atau mana-mana percubaan ancaman
- Fasal pembayaran akaun

### Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi :

- |   |  |
|---|--|
| A. Kematian akibat Kemalangan                               | Pampasan sehingga amaun yang dimohon – Jumlah Modal Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian akibat Kemalangan.  |
| B. Kehilangan kekal atau ketidakupayaan                     | Pampasan sehingga amaun yang dimohon – Jumlah Modal Diinsuranskan mengikut peratusan di dalam Jadual Faedah dan Pampasan bagi kehilangan anggota badan sekiranya berlaku Kemalangan. |
| C. Faedah mingguan bagi Ketidakupayaan Menyeluruh Sementara | Pampasan sehingga amaun yang dimohon – tidak melebihi 104 minggu daripada Faedah Pertama yang berlaku.   |
| D. Faedah mingguan bagi Ketidakupayaan Separa Sementara     | Pampasan sehingga amaun yang dimohon – tidak melebihi 104 minggu daripada Faedah Pertama yang berlaku.   |

### HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK

(Sila baca Helaian Pemberitahuan Produk sebelum anda memilih untuk mendapatkan perlindungan Insurans ini. Sila baca terma dan syarat utama am)

#### E. Fi atau Caj perubatan

Pampasan sehingga amaun yang dimohon bagi belanja perubatan di dalam jadual berkaitan berkait dengan mana-mana kecederaan. Jumlah modal ini ialah had bagi mana-mana satu tempoh insurans.

#### F. Belanja pengebumian dan/atau Repatrasi dan pembakaran (dalam kes kematian akibat kemalangan)

Pampasan sehingga amaun yang dimohon bagi belanja pembakaran mayat dan/atau penghantaran dalam menghantar mayat **Orang yang Diinsuranskan** pulang ke negara asal ketika dia mengembra di luar negara asalnya sekiranya berlaku **Kemalangan**.

**Nota:** Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

### Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin bergantung kepada pilihan faedah dan klasifikasi pekerjaan anda seperti di bawah:-

Faedah	Nilai Perlindungan	Jumlah Premium mengikut Klasifikasi Pekerjaan		
		1	2	3
A. Kematian akibat Kemalangan	Bagi setiap RM10,000.00	RM5.00	RM6.25	RM 8.75
B. Kehilangan kekal atau ketidakupayaan	Bagi setiap RM10,000.00	RM 5.00	RM 6.25	RM 8.75
C. Faedah mingguan bagi Ketidakupayaan Menyeluruh Sementara	Bagi setiap RM100.00	RM 30.00	RM 37.50	RM 52.50
D. Faedah mingguan bagi Ketidakupayaan Separa Sementara	Bagi setiap RM50.00	RM 15.00	RM 18.75	RM 26.25
E. Fi atau Caj perubatan	Had setiap kemalangan RM1,000.00 RM2,000.00 RM3,000.00	RM 15.00 RM 30.00 RM 45.00	RM 18.75 RM 37.50 RM 56.25	RM 26.25 RM 52.50 RM 78.75
F. Belanja pengebumian dan/atau Repatrasi dan pembakaran (dalam kes kematian akibat kemalangan)	Had sebanyak RM3,000.00	RM 15.00	RM 18.75	RM 26.25

**Nota:**

1. Faedah C & D dibenarkan dengan syarat Faedah A & B dipilih pada masa yang sama dengan nilai perlindungan minima RM100,000.00.
2. Nilai perlindungan untuk Faedah C dihadkan kepada 75% dari pendapatan mingguan. Dengan syarat tidak melebihi RM500.00 seminggu.
3. Nilai perlindungan untuk Faedah D tidak boleh melebihi 50% dari Faedah C dan tidak boleh diinsuranskan tanpa Faedah C.
4. Untuk pekerjaan Kelas 3, nilai perlindungan maksimum untuk Faedah C & D adalah ditentukan kepada RM200.00 dan RM100.00.

## Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

JENIS	AMAUN
Duti Setem	RM10 bagi setiap polisi
Komisyen dibayar kepada pengantara Insurans (Jika ada)	25% daripada premium
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) – Tarikh Bermula 1 <sup>st</sup> April 2015	6%

## Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

### Takrif Perkataan

Kemalangan	Kejadian tiba-tiba, tidak diduga dan berlaku secara kebetulan.
Kecederaan/ kecederaan tubuh	Kecederaan yang dialami oleh anda yang betul-betul dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan dan tidak termasuk kecederaan yang disebabkan oleh sakit, penyakit atau gangguan perubatan.

### Had Umur

Kelayakan minimum 16 tahun atau maksimum 64 tahun pada masa kemasukan tetapi dalam mana mana kes yang berkait akhir tempoh perlindungan apabila mencapai umur 70 tahun.

### Klasifikasi Pekerjaan

- Kelas 1 Orang yang terlibat dengan kerja pentadbiran, pengurusan, pengkeranian dan bukan manual tanpa mengira pekerjaan.
- Kelas 2 Orang yang terlibat dengan jenis kerja penyeliaan, perniagaan borong atau selalu mengembara dan yang tugas tidak memerlukan penggunaan perkakas atau jentera atau terdedah kepada sebarang bahaya tertentu.
- Kelas 3 Orang yang terlibat dengan kerja jenis manual yang tidak berbeza berbahaya tetapi memerlukan penggunaan perkakas atau jentera (tetapi bukan jentera pertukangan kayu).

### Pekerjaan yang Dikecualikan

Askar	Pelombong
Anak kapal syarikat penerbangan	Minyak dan Gas luar persisiran
Perobohan	Juruterbang
Juruselam	Sukan atau Perlumbaan
Nelayan	Pelaut
Pengukuasa Undang-undang	Pemunggah muatan kapal
Pembalak	Membuat terowong
Tentera	Koresponden Perang

### Kepentingan Pendedahan

#### Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganinan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

#### Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganinan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

### Pampasan/Tanggungan

Kami akan membayar pampasan diatas kematian atau kecederaan (kehilangan kekal atau ketidakupayaan) berpandu pada peratusan di dalam "Jadual Faedah dan Pampasan". Walau bagaimanapun untuk rawatan perubatan, pampasan anda dikembalikan pada jumlah sebenar akibat subjek di dalam spesifikasi polisi ini. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi pembelian perubatan.

### Pembayaran Sebelum Perlindungan (Guna pakai pada Individu sahaja)

Adalah asas dan mutlak pada keadaan khas dalam perjanjian Polisi dimana premium tamat tempoh mestilah dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum tarikh mula perlindungan. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi secara langsung polisi insurans ini terbatas.

### Fasal Tambahan Dan Pemotongan Automatik

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa tambahan bagi Orang yang Diinsuranskan akan secara automatik dilindungi di bawah Polisi ini hingga ke had yang ditetapkan di dalam Jadual dengan syarat notis setiap tambahan dimaklumkan oleh anda dalam masa 14 hari dari tarikh permulaan Polisi ini sekiranya guna tenaga dan premium yang sewajarnya dibayar. Pemotongan nama Orang yang Diinsuranskan akan juga berkuat kuasa dari tarikh penamatkan guna tenaga mereka. Tertakluk sebaliknya kepada terma dan syarat polisi ini.

### Fasal Pemberitahuan Kehilangan (60 Hari)

Polisi ini tidak akan dijejaskan oleh mana-mana kelewatan yang tidak disengajakan, kesilapan atau ketinggalan dalam memberitahu pihak Syarikat mana-mana keadaan atau peristiwa yang boleh menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini dengan syarat notis pemberitahuan haruslah diberikan kepada Syarikat dengan segera apabila kejadian itu datang kepada pengetahuan orang yang diinsuranskan tetapi tidak lewat daripada 60 hari dari tarikh kejadian berlaku. Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

### Fasal Pembayaran Akaun

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian di bawah insurans ini Syarikat akan membuat pembayaran atas account bagi kerugian tersebut kepada orang yang diinsuranskan yang diingini. Tertakluk sebaliknya kepada terma dan syarat polisi ini.

### Tatacara Tuntutan

Anda mesti memberi notis kecederaan bertulis kepada kami dalam jangka masa yang ditetapkan di dalam polisi anda.

Tuntutan kematian Repot polis dan borang tuntutan harus diserahkan dengan semua dokumen menyokong seperti sijil kematian dan permit pengebumian. Jika tiada pewaris dinamakan, orang yang bergantung pada orang yang sudah mati atau pentadbir harta pusaka orang sudah mati harus menyediakan bukti pertanggungan atau surat pentadbiran.

Tuntutan kecederaan Anda mesti memberi notis kecederaan bertulis kepada kami dalam rangka masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda harus serahkan kepada kami borang tuntutan semua dokumen menyokong seperti laporan perubatan dan resit pembayaran bagi belanja hospital.

### Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan:

- Risiko peperangan
- Kecederaan yang disengajakan
- Bunuh diri dan tidak siuman
- Provokasi pembunuhan dan serangan
- Sukan berisiko tinggi
- Nuklear, kimia, biologi, pengganasan
- Dadah, keuzuran berkaitan AIDS/HIV, penyakit yang dijangkiti secara seksual
- Penglibatan perkerjaan ketenteraan, tentera laut, tentera udara, polis dan bomba

**Nota:** Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## **Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

## **Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak syarikat insurans tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Ia juga adalah penting untuk memaklumkan pihak syarikat insurans tentang sebarang perubahan di dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan usaha peribadi anda yang mungkin akan menjelaskan profil risiko anda.

## **Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai polisi insurans ini, sila rujuk kepada buku panduan info-insurans yang boleh didapati disemua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara anda atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Polisi Insurans Kemalangan Diri atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami.

**PROGRESSIVE INSURANCE BHD**  
6<sup>th</sup>, 9<sup>th</sup> & 10<sup>th</sup> Floor, Menara BGI, Plaza Berjaya  
No.12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-21188000 Fax: 03-21188098  
Website: [www.progressiveinsurance.com.my](http://www.progressiveinsurance.com.my)

### **NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN AGAR MEMAHAMI PERATUSAN FAEDAH YANG DIBAYAR BAGI KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN DAN KEHILANGAN KEKAL ATAU KETIDAKUPAYAAN DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA JUGA DINASIHATKAN MENAMAKAN PEWARIS DAN MEMASTIKAN PEWARIS ANDA TAHU MENGENAI POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.**

## **Bagaimana kemukakan aduan dan tebus rugi yang ada?**

Jika anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan kami atau anda tidak puas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda boleh menulis atau menelefon Unit Aduan kami untuk menyelesaikan perkara tersebut. Sekiranya anda masih tidak puas hati dengan keputusan kami, anda boleh juga tujukan aduan anda kepada sama ada:-

### **Pengarah**

Laman Informasi Nasihat dan  
Khidmat (LINK)  
Tingkat Bawah, Blok C  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Fax: 03-2174-1515

### **Ombudsman Perkhidmatan Kewangan**

Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2272 2811  
Fax: 03-2272 1577

## **Lain-lain Perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati.**

- PA Keluarga Progressive
- Kemalangan Diri Pemandu
- Kemalangan Diri Perjalanan

Informasi yang disediakan  
dalam Helaian Pemberitahuan  
Produk ini adalah sah hingga  
31.12.2023

## KEMALANGAN DIRI PROGRESSIVE POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI

### JADUAL FAEDAH DAN PAMPASAN

FAEDAH		PAMPASAN																																																												
A.	Kematian akibat Kemalangan	Jumlah Modal bagi kematian yang ditetapkan di dalam Jadual.																																																												
B.	Kehilangan Kekal atau Ketidakupayaan sebagaimana ditentukan di bawah	Jumlah yang sama dengan peratusan Jumlah Modal yang Diinsuranskan yang ditentukan di dalam Jadual. Peratusan yang kena bayar ditunjukkan di bawah bagi setiap faedah, tetapi tidak melebihi 100% bagi setiap Orang yang Diinsuranskan:																																																												
B1	Ketidakupayaan menyeluruh dan kekal kerana terlibat dalam atau melaksanakan pekerjaan apa-apa jenis pun.	100%																																																												
B2	Kehilangan menyeluruh dan kekal bagi semua penglihatan pada satu mata atau kedua-dua mata.	100%																																																												
B3	Kehilangan menyeluruh kerana pemutusan fizikal atau kehilangan menyeluruh dan kekal bagi penggunaan:	<table> <tr> <td>a.</td><td>satu atau dua tangan dan kaki</td><td>100%</td></tr> <tr> <td>b.</td><td>satu atau dua tangan</td><td>100%</td></tr> <tr> <td>c.</td><td>lengan di atas siku</td><td>100%</td></tr> <tr> <td>d.</td><td>lengan pada atau di bawah siku</td><td>100%</td></tr> <tr> <td>e.</td><td>kaki di atas lutut</td><td>100%</td></tr> <tr> <td>f.</td><td>kaki pada atau di bawah lutut</td><td>100%</td></tr> </table>	a.	satu atau dua tangan dan kaki	100%	b.	satu atau dua tangan	100%	c.	lengan di atas siku	100%	d.	lengan pada atau di bawah siku	100%	e.	kaki di atas lutut	100%	f.	kaki pada atau di bawah lutut	100%																																										
a.	satu atau dua tangan dan kaki	100%																																																												
b.	satu atau dua tangan	100%																																																												
c.	lengan di atas siku	100%																																																												
d.	lengan pada atau di bawah siku	100%																																																												
e.	kaki di atas lutut	100%																																																												
f.	kaki pada atau di bawah lutut	100%																																																												
B4	Hilang akal menyeluruh kekal	100%																																																												
B5	Kehilangan menyeluruh dan kekal:	<table> <tr> <td>a.</td><td>penglihatan satu mata kecuali persepsi cahaya</td><td>50%</td></tr> <tr> <td>b.</td><td>kanta satu mata</td><td>50%</td></tr> </table>	a.	penglihatan satu mata kecuali persepsi cahaya	50%	b.	kanta satu mata	50%																																																						
a.	penglihatan satu mata kecuali persepsi cahaya	50%																																																												
b.	kanta satu mata	50%																																																												
B6	Kehilangan menyeluruh kerana pemutusan fizikal atau kehilangan menyeluruh dan kekal bagi penggunaan:	<table> <tr> <td>a.</td><td>ibu jari dan empat jari bagi satu tangan</td><td>70%</td></tr> <tr> <td>b.</td><td>empat jari bagi satu tangan</td><td>45%</td></tr> <tr> <td>c.</td><td>ibu jari (dua falanks)</td><td>25%</td></tr> <tr> <td>d.</td><td>ibu jari (satu falanks)</td><td>10%</td></tr> <tr> <td>e.</td><td>jari terlunjuk (tiga falanks)</td><td>15%</td></tr> <tr> <td>f.</td><td>jari terlunjuk (dua falanks)</td><td>8%</td></tr> <tr> <td>g.</td><td>jari terlunjuk (satu falanks)</td><td>4%</td></tr> <tr> <td>h.</td><td>jari hantu (tiga falanks)</td><td>10%</td></tr> <tr> <td>i.</td><td>jari hantu (dua falanks)</td><td>4%</td></tr> <tr> <td>j.</td><td>jari hantu (satu falanks)</td><td>2%</td></tr> <tr> <td>k.</td><td>jari manis (tiga falanks)</td><td>8%</td></tr> <tr> <td>l.</td><td>jari manis (dua falanks)</td><td>4%</td></tr> <tr> <td>m.</td><td>jari manis (satu falanks)</td><td>2%</td></tr> <tr> <td>n.</td><td>jari kelingking (tiga falanks)</td><td>6%</td></tr> <tr> <td>o.</td><td>jari kelingking (dua falanks)</td><td>3%</td></tr> <tr> <td>p.</td><td>jari kelingking (satu falanks)</td><td>2%</td></tr> <tr> <td>q.</td><td>semua jari bagi satu kaki</td><td>17%</td></tr> <tr> <td>r.</td><td>ibu jari (dua falanks)</td><td>5%</td></tr> <tr> <td>s.</td><td>ibu jari (satu falanks)</td><td>2%</td></tr> <tr> <td>t.</td><td>Mana-mana jari kaki lain</td><td>3%</td></tr> </table>	a.	ibu jari dan empat jari bagi satu tangan	70%	b.	empat jari bagi satu tangan	45%	c.	ibu jari (dua falanks)	25%	d.	ibu jari (satu falanks)	10%	e.	jari terlunjuk (tiga falanks)	15%	f.	jari terlunjuk (dua falanks)	8%	g.	jari terlunjuk (satu falanks)	4%	h.	jari hantu (tiga falanks)	10%	i.	jari hantu (dua falanks)	4%	j.	jari hantu (satu falanks)	2%	k.	jari manis (tiga falanks)	8%	l.	jari manis (dua falanks)	4%	m.	jari manis (satu falanks)	2%	n.	jari kelingking (tiga falanks)	6%	o.	jari kelingking (dua falanks)	3%	p.	jari kelingking (satu falanks)	2%	q.	semua jari bagi satu kaki	17%	r.	ibu jari (dua falanks)	5%	s.	ibu jari (satu falanks)	2%	t.	Mana-mana jari kaki lain	3%
a.	ibu jari dan empat jari bagi satu tangan	70%																																																												
b.	empat jari bagi satu tangan	45%																																																												
c.	ibu jari (dua falanks)	25%																																																												
d.	ibu jari (satu falanks)	10%																																																												
e.	jari terlunjuk (tiga falanks)	15%																																																												
f.	jari terlunjuk (dua falanks)	8%																																																												
g.	jari terlunjuk (satu falanks)	4%																																																												
h.	jari hantu (tiga falanks)	10%																																																												
i.	jari hantu (dua falanks)	4%																																																												
j.	jari hantu (satu falanks)	2%																																																												
k.	jari manis (tiga falanks)	8%																																																												
l.	jari manis (dua falanks)	4%																																																												
m.	jari manis (satu falanks)	2%																																																												
n.	jari kelingking (tiga falanks)	6%																																																												
o.	jari kelingking (dua falanks)	3%																																																												
p.	jari kelingking (satu falanks)	2%																																																												
q.	semua jari bagi satu kaki	17%																																																												
r.	ibu jari (dua falanks)	5%																																																												
s.	ibu jari (satu falanks)	2%																																																												
t.	Mana-mana jari kaki lain	3%																																																												
B7	Kehilangan menyeluruh dan kekal bagi:	<table> <tr> <td>a.</td><td>pendengaran dua telinga</td><td>75%</td></tr> <tr> <td>b.</td><td>pendengaran satu telinga</td><td>25%</td></tr> <tr> <td>c.</td><td>pencakapan</td><td>60%</td></tr> </table>	a.	pendengaran dua telinga	75%	b.	pendengaran satu telinga	25%	c.	pencakapan	60%																																																			
a.	pendengaran dua telinga	75%																																																												
b.	pendengaran satu telinga	25%																																																												
c.	pencakapan	60%																																																												
B8	Mana-mana ketidakupayaan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain kehilangan deria rasa dan bau.	Peratusan sedemikian yang akan kami ditaksir yang menurut penasihat kami selaras dengan peratusan yang dinyatakan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang yang Diinsuranskan.																																																												
C.	Ketidakupayaan Menyeluruh Sementara kerana terlibat dalam atau melaksanakan pekerjaan yang biasa.	Faedah mingguan yang ditentukan di dalam Jadual.																																																												
D.	Ketidakupayaan Separa Sementara kerana terlibat dalam atau melaksanakan pekerjaan yang biasa.	Faedah mingguan yang ditentukan di dalam Jadual.																																																												
E.	Fi atau caj perubatan  Fi perubatan, pembedahan, rumah jagaan dan kejururawatan atau caj ditanggung semestinya dalam masa 104 minggu dari berlakunya kecederaan, dengan syarat semua fi atau caj demikian ditanggung semestinya dan dengan munasabah untuk perkhidmatan profesional daripada pengamal perubatan, doktor, doktor bedah atau jururawat, Doktor Cina/ 'Bonesetter' yang berkelayakan sepenuhnya dan berdaftar dan/atau hospital yang dipreskripsi oleh pengamal perubatan, doktor atau doktor bedah sedemikian.	Pembayaran sehingga Jumlah Modal yang ditetapkan bagi pembelanjaan Perubatan di dalam Jadual berkait dengan mana-mana kecederaan. Jumlah Modal ini ialah had bagi mana-mana satu tempoh insurans.																																																												
F.	Perbelanjaan Pengebumian dan/atau Repatriasi dan Pembakaran dalam kes Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan)	Bayaran sehingga Jumlah Modal yang ditetapkan bagi Perbelanjaan Pengebumian dan/atau Repatriasi dan Pembakaran bagi tiap-tiap Orang yang Diinsuranskan bagi kos yang terlibat berkait dengan pengangkutan tubuh/jasad Orang yang Diinsuranskan daripada mana-mana tempat di dunia ke tempat tinggalnya di Malaysia.																																																												

## **Had Pampasan berkait dengan mana-mana Orang yang Diinsuranskan**

1. Kami tidak akan membayar bagi:
  - (a) Mana-mana Kemalangan spesifik di bawah Faedah B apabila bagi Kemalangan yang sama pampasan yang lebih besar dibayar bagi bahagian lain Faedah B yang termasuk Faedah yang spesifik itu.
  - (b) Faedah A di samping mana-mana Faedah B jika disebabkan oleh Kemalangan yang sama, kecuali jika pembayaran telah dibuat di bawah mana-mana Faedah B dan kematian berlaku selepasnya yang hanya disebabkan oleh dan dalam masa 52 minggu Kemalangan, maka kami akan membayar mana-mana perbezaan jika pampasan kena bayar bagi Faedah A lebih besar daripada yang telah dibayar bagi Faedah B.
  - (c) Lebih daripada 100% Jumlah Modal bagi Faedah A atau Faedah B (mengikut mana-mana yang lebih besar) dalam satu-satu Tempoh Insurans dalam agregat bagi mana-mana satu atau semua faedah bagi mana-mana Orang Diinsuranskan.
  - (d) Keputusan B1 sehingga satu tahun selepas terjadinya peristiwa.
  - (e) Faedah B8 sehingga jumlah amaun pampasan telah ditentukan dan dipersetujui.
2. Pampasan kena bayar bagi Faedah A dan B hendaklah dikurangkan oleh amaun mana-mana Faedah Mingguan yang telah pun dibayar di bawah Faedah C (ketidakupayaan menyeluruh sementara).
3. Faedah Mingguan tidak akan dibayar:
  - (a) bagi mana-mana tempoh masa selepas kematian Orang yang Diinsuranskan dan selepas Pampasan menjadi kena bayar dibawah mana-mana bahagian Faedah B.
  - (b) kedua-dua Faedah C dan D bagi tempoh ketidakupayaan yang sama.
4. Faedah Mingguan bagi Faedah C hendaklah dibayar apabila jumlah amaun telah dipersetujui, atau mengikut permintaan Orang yang Diinsuranskan pada jarak waktu tidak kurang daripada empat minggu (tetapi tidak terlebih dahulu) bermula empat minggu selepas penerimaan notis bertulis oleh kami tentang kecederaan berkenaan.
5. Tiada yang akan dibayar berkait Faedah D jika terdapat mana-mana insurans lain yang berkuat kuasa yang melindungi kerugian atau jika Orang yang Diinsuranskan berhak untuk menanggung rugi daripada mana-mana sumber lain, dengan syarat Syarikat tidak akan dilepaskan liabiliti di bawah Faedah ini berkait dengan mana-mana lebihan amaun yang kena bayar di bawah insurans atau indemniti sedemikian.

## **Had Pampasan Keseluruhan**

Jika terdapat lebih daripada seorang Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini, liabiliti agregat maksimum kami berkait dengan semua Orang yang Diinsuranskan yang terbang dalam sebuah kapal terbang atau kenderaan pengangkutan darat atau kapal hendaklah tidak melebihi Had Konveyans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi atau agregat amaun Pampasan yang kena bayar berkait dengan Orang yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang kurang.

Sekiranya amaun agregat semua tuntutan bagi kecederaan Orang yang Diinsuranskan yang bergerak dalam satu kovensyens melebihi Had Konveyans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi, liabiliti Syarikat berkait dengan setiap Orang yang Diinsuranskan adalah berkadar dengan Faedah belum bayar berkait dengan Orang yang Diinsuranskan.